

Fungsi utama Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah (BAC) adalah membantu Lembaga Pengarah untuk memenuhi objektif bagi aktiviti- aktiviti Kumpulan seperti berikut:-

- menaksir proses berkaitan dengan persekitaran dan pengawalan risiko Kumpulan;
- menyelia laporan kewangan; dan
- menilai proses audit dalaman dan luar.

Komposisi

Ahli-ahli BAC adalah dilantik oleh Lembaga Pengarah di antara mereka dan terdiri tidak kurang daripada tiga (3) ahli yang mana majoritinya adalah Pengarah Bebas. Seorang Pengarah Bebas adalah seseorang yang memenuhi keperluan yang terkandung di dalam Keperluan Penyenaraian BSKL.

Sekurang-kurangnya seorang daripada ahli-ahli BAC:

- i) mestilah ahli Institut Akauntan-Akauntan Malaysia ("MIA"); atau
- ii) sekiranya bukan ahli MIA, beliau mestilah mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman kerja dan:-
 - a) beliau mesti telah lulus dalam peperiksaan yang ditetapkan dalam Bahagian 1, Jadual Pertama, Akta Akauntan, 1967; atau
 - b) beliau mestilah seorang ahli bagi salah satu daripada persatuan akauntan yang ditentukan dalam Bahagian II, Jadual Pertama, Akta Akauntan, 1967.
- (iii) memenuhi keperluan lain yang ditentukan oleh BSKL.

Ahli-ahli BAC hendaklah melantik seorang Pengerusi di antara mereka yang juga Pengarah Bebas.

Sekiranya seorang ahli BAC meletak jawatan, meninggal dunia atau berhenti menjadi ahli di atas apa-apa sebab dan mengakibatkan jumlah keahliannya kurang daripada tiga (3) orang, Lembaga



Duduk/ Sitting : Chew Kong Seng

Berdiri/ Standing : Dr. R. Thillainathan, Datuk Ishak bin Imam Abas

The primary function of the Board Audit Committee ("BAC") is to assist the Board of Directors in fulfilling the following objectives of the Group's activities:-

- assess the Group's processes relating to its risks and control environment;
- oversee financial reporting; and
- evaluate the internal and external audit processes.

Composition

The members of the BAC shall be appointed by the Board from amongst their number and shall consist of not less than three (3) members of whom the majority shall be Independent Directors. An Independent Director shall be one who fulfils the requirement as provided in the KLSE Listing Requirements.

At least one (1) member of the BAC:-

- i) must be a member of the Malaysian Institute of Accountants ("MIA"); or

Pengarah hendaklah dalam tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh kejadian itu, melantik ahli baru sebagaimana yang perlu untuk mencapai jumlah minima tiga (3) ahli tersebut.

Pengarah selang ganti tidak boleh dilantik sebagai ahli BAC.

Korum dan Prosidur Jawatankuasa

Korum adalah dua (2) ahli, kedua-duanya Pengarah Bebas dan seorang daripada mereka akan menjadi Pengerusi BAC. BAC akan bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pengarah eksekutif sekurang-kurangnya sekali dalam setahun. Juruaudit luar berhak untuk menghadiri dan bersuara di mana-mana mesyuarat BAC dan akan hadir dalam mesyuarat dengan BAC apabila dikehendaki.

Setiausaha Syarikat adalah Setiausaha BAC. Minit mesyuarat hendaklah dicatatkan di dalam buku-buku yang diperuntukkan. Setiausaha, bersama-sama dengan Pengerusi, hendaklah menyediakan satu agenda dan mengedarkan kepada semua ahli-ahli BAC, bersama dengan kertas kerja sokongan yang berkenaan sekurang-kurangnya satu (1) minggu sebelum setiap mesyuarat. Minit mesyuarat hendaklah diedarkan kepada semua ahli-ahli Lembaga Pengarah. Mesyuarat hendaklah diadakan tidak kurang daripada tiga (3) kali setahun. Sekiranya dianggap perlu, juruaudit luar boleh meminta mesyuarat diadakan. Pengerusi BAC akan memanggil mesyuarat untuk mempertimbangkan apa-apa perkara yang juruaudit luar percaya perlu dikemukakan untuk perhatian Lembaga Pengarah atau Pemegang Saham.

Kuasa

BAC adalah diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk menyiasat apa-apa aktiviti dalam lingkungan Terma-Terma Rujukannya. Ianya diberi kuasa untuk memperolehi apa-apa maklumat yang ia perlu daripada mana-mana kakitangan dan semua kakitangan-kakitangan adalah diarahkan untuk memberi kerjasama terhadap apa-apa permintaan yang dibuat oleh BAC.

BAC hendaklah diberi sumber-sumber yang diperlukan untuk menjalankan tugas-tugasnya. Jawatankuasa boleh memperolehi, atas perbelanjaan

ii) if he is not a member of the MIA, he must have at least three (3) years working experience and:-

- a) he must have passed the examinations specified in Part I of the 1st Schedule of the Accountants Act 1967; or
- b) he must be a member of one of the associations of accountants specified in Part II of the 1st Schedule of the Accountants Act 1967.

iii) fulfills such other requirements as prescribed by KLSE.

The members of the BAC shall elect a Chairman from amongst their number who shall be an Independent Director.

If a member of the BAC resigns, dies or for any other reason ceases to be a member with the result that the number of members is reduced below three (3), the Board shall within three (3) months of that event, appoint such number of new members as may be required to make up the minimum number of three (3) members.

No alternate director can be appointed as a member of the BAC.

Quorum and Committee's Procedures

A quorum shall be two (2) members, both being Independent Directors and one (1) of whom shall be the Chairman of the BAC. At least once a year the BAC shall meet with the external auditors without any executive director present. The external auditors have the right to appear and be heard at any meeting of the BAC and shall appear before the BAC when required to do so.

The Company Secretary shall be the Secretary of the BAC. Minutes of the meetings shall be duly entered in the books provided therefore. The Secretary, in conjunction with the Chairman, shall draw up an agenda, which shall be circulated together with the relevant supporting papers, at least one (1) week prior to each meeting to the members of the BAC. The minutes shall be circulated to all members of the Board.

Kumpulan, nasihat perundangan atau profesional luar yang bebas sekiranya dianggap perlu.

Tugas-Tugas dan Fungsi-Fungsi

Tugas-tugas dan fungsi-fungsi BAC adalah :

- a) mempertimbangkan perantikan juruaudit luar, yuran audit dan perihal perletakan atau penamatan jawatan juruaudit luar sebelum membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah;
- b) berbincang dengan juruaudit luar sebelum kerja audit bermula mengenai cara dan skop audit itu, dan memastikan penyelerasan sekiranya lebih daripada satu firma audit yang terlibat;
- c) membuat kajian bersama dengan Pihak Pengurusan dan juruaudit luar ke atas keputusan suku tahun dan penyata kewangan bagi penghujung tahun sebelum kelulusan oleh Lembaga Pengarah, dengan tumpuan khasnya kepada:
 - apa-apa perubahan dalam polisi-polisi dan amalan perakaunan;
 - kejadian penting dan luarbiasa;
 - perkara yang melibatkan pertimbangan besar;
 - penyelerasan penting yang timbul daripada audit;
 - andaian kemajuan;
 - menepati piawai perakaunan; dan
 - menepati keperluan Bursa Saham dan undang-undang.
- d) mengatur laporan berkala daripada Pengurusan, juruaudit luar dan juruaudit dalaman untuk menaksirkan kesan perubahan peraturan dan perkembangan perakaunan dan aturcara laporan yang dicadangkan oleh badan perakaunan dan lain-lain badan ataupun perkara-perkara nyata lain yang mungkin mempunyai kaitan dengan pemeriksaan tahunan itu;

Meetings shall be held not less than three (3) times a year. The external auditors may request a meeting if they consider it necessary. The Chairman of the BAC shall convene a meeting of the Committee to consider any matter which the external auditors believe should be brought to the attention of the Directors or Shareholders.

Authority

The BAC is authorised by the Board to investigate any activity within its Terms of Reference. It is authorised to seek any information it requires from any employee and all employees are directed to cooperate with any request made by the BAC.

The BAC shall have the resources that are required to perform its duties. The Committee can obtain, at the expense of the Group, external legal or other independent professional advice it considers necessary.

Duties and Functions

The duties and functions of the BAC are:-

- a) to consider the appointment of the external auditors, the audit fee and any question of resignation or dismissal of the external auditors before making recommendation to the Board;
- b) to discuss with the external auditors before the audit commences on the nature and scope of the audit, and ensure coordination where more than one audit firm is involved;
- c) to review with the Management and the external auditors the quarterly results and year-end financial statements prior to the approval by the Board, focussing particularly on:-
 - any change in accounting policies and practices;
 - significant and unusual events;
 - major judgemental areas;
 - significant adjustments resulting from the audit;
 - the going concern assumption ;
 - compliance with accounting standards; and
 - compliance with Stock Exchange and legal requirements.

- e) membincangkan masalah-masalah dan keraguan yang timbul daripada audit sementara dan akhir, dan hal-hal yang mungkin ingin dibincangkan oleh juruaudit (tanpa kehadiran pihak Pengurusan, sekiranya perlu);
- f) mengkaji program audit dalaman, mempertimbangkan penemuan penting oleh juruaudit dalaman dan jawapan Pengurusan dan memastikan penyelarasan di antara juruaudit luar dan juruaudit dalaman;
- g) mengkaji apa-apa urusan dengan pihak yang ada hubungan dan keadaan perselisihan kepentingan yang mungkin timbul dalam Syarikat termasuk apa-apa urusan, prosidur ataupun tingkahlaku yang menimbulkan persoalan terhadap integriti Pengurusan;
- h) untuk terus meneliti samada sistem kawalan dalaman dan penilaian oleh juruaudit dalaman dan/atau luar terhadap keberkesanan sistem, terutamanya mengkaji Surat Pengurusan daripada juruaudit luar serta jawapan Pengurusan;
- i) mengkaji laporan audit;
- j) mengarah dan jika sesuai, menyelia apa-apa projek khas atau penyiasatan yang dianggap perlu;
- k) menyediakan laporan berkala untuk Lembaga Pengarah, yang meringkaskan kerja yang telah dilaksanakan bagi memenuhi tanggungjawab utama BAC; dan
- l) mempertimbangkan perkara-perkara yang lain, seperti yang telah ditentukan.



CHEW KONG SENG
Pengerusi
Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah

- d) to arrange for periodic reports from Management, the external auditors and the internal auditors to assess the impact of significant regulatory changes, and accounting or reporting developments proposed by accounting and other bodies, or any significant matters that may have a bearing on the annual examination;
- e) to discuss problems and reservations arising from the interim and final audits, and matters the auditors may wish to discuss (in the absence of Management where necessary);
- f) to review the internal audit programme, consider the major findings of internal audits and Management's response, and ensure coordination between the internal and external auditors;
- g) to review any related party transactions and conflict of interest situation that may arise in the Company including any transaction, procedure or course of conduct that raises questions of Management integrity;
- h) to keep under review the effectiveness of internal control systems and the internal and/or external auditors' evaluation of these systems and in particular review the external auditors' Management Letter and Management's response;
- i) to review the audit reports;
- j) to direct and where appropriate supervise any special project or investigation considered necessary;
- k) to prepare periodic reports to the Board summarising the work performed in fulfilling the BAC's primary responsibilities; and
- l) to consider other topics, as defined.



CHEW KONG SENG
Chairman
Board Audit Committee

Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah ("BAC") PETRONAS Dagangan Berhad dengan sukacitanya membentangkan Laporan Jawatankuasa Audit bagi tahun berakhir 31 Mac 2003 seperti berikut:

Keahlian

BAC telah ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah selaras dengan resolusinya pada 3 Mac 1994. Pada masa ini, BAC terdiri daripada tiga (3) pengarah, iaitu:-

- i) Chew Kong Seng (Pengerusi)
(Pengarah bebas bukan eksekutif)
- ii) Dr. R. Thillainathan
(Pengarah bebas bukan eksekutif)
- iii) Datuk Ishak bin Imam Abas
(Pengarah bukan eksekutif)

BAC adalah ditadbir menurut Terma-Terma Rujukan seperti yang dinyatakan pada halaman 26 ke 29 Laporan Tahunan. Segala keperluan di bawah Terma-Terma Rujukan telah pun dipenuhi dan BAC mendapati bahawa tiada sebarang perkara yang melanggar atau mengabaikan Keperluan-keperluan Penyenaraian Bursa Saham Kuala Lumpur yang mewajarkan laporan dibuat kepada Bursa tersebut.

Ringkasan Kegiatan BAC

Di sepanjang tahun, BAC telah bermesyuarat sebanyak empat (4) kali. Atas undangan, Pengarah Urusan, Setiausaha Syarikat, Pengurus Besar Bahagian Perkhidmatan Kewangan, juruaudit luar dan juruaudit dalaman juga telah menghadiri mesyuarat semasa perbincangan yang memerlukan maklumat serta pendapat mereka.

Rekod Kehadiran ahli-ahli BAC	
Nama Pengarah	
Chew Kong Seng	4/4
Dr. R. Thillainathan	4/4
Datuk Ishak bin Imam Abas	1/4

The Board Audit Committee ("BAC") of PETRONAS Dagangan Berhad is pleased to present the Audit Committee Report for the year ended 31 March 2003 as follows:-

Membership

The BAC was formed by the Board pursuant to its resolution on 3 March 1994. Currently, the BAC comprises three (3) directors namely:-

- i) Chew Kong Seng (Chairman)
(Independent non-executive director)
- ii) Dr. R. Thillainathan
(Independent non-executive director)
- iii) Datuk Ishak bin Imam Abas
(Non-Independent non executive director)

The BAC is governed by the Terms of Reference as stipulated in pages 26 to 29 of the Annual Report. All the requirements under the Terms of Reference were fully complied and the BAC did not see any matter in breach of the Kuala Lumpur Stock Exchange Listing Requirements that warrants reporting to the Exchange.

Summary of Activities of the BAC

During the year, the BAC met four (4) times. By invitation, the Managing Director, Company Secretary, General Manager of Finance Services Division, external and internal auditors were also present during deliberations which required their inputs and advice.

Attendance Record of BAC members	
Name of Directors	
Chew Kong Seng	4/4
Dr. R. Thillainathan	4/4
Datuk Ishak bin Imam Abas	1/4

Kegiatan-kegiatan seperti berikut telah dijalankan oleh BAC sepanjang tahunan kewangan yang berakhir 31 Mac 2003 :-

- i) Mengkaji skop kerja serta rancangan juruaudit luar bagi tahun yang berkenaan. Sebelum audit dimulakan, wakil-wakil daripada juruaudit luar telah membentangkan strategi audit dan rancangan mereka.
- ii) Mengkaji bersama-sama dengan juruaudit luar keputusan audit, laporan audit dan Surat Pengurusan, termasuk jawapan Pengurusan.
- iii) Pertimbangan dan cadangan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan yuran audit yang dibayar kepada juruaudit luar seperti yang dipaparkan di Nota 20 kepada penyata kewangan.
- iv) Mengkaji kebebasan serta objektiviti juruaudit luar dan perkhidmatan yang telah diberi.
- v) Mengkaji laporan audit dalaman, yang menonjolkan isu-isu audit, cadangan-cadangan serta jawapan Pengurusan. Berbincang dengan Pengurusan mengenai tindakan yang diambil untuk memperbaiki sistem kawalan dalaman berdasarkan peluang kemajuan yang telah dinyatakan di dalam laporan audit dalaman.
- vi) Mengkaji Laporan Tahunan dan penyata kewangan teraudit bagi Kumpulan sebelum dikemukakan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan serta kelulusan mereka. Kajian itu adalah untuk memastikan penyata kewangan teraudit dibuat mengikut peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan piawai perakaunan yang telah diluluskan dan sedang digunakan.
- vii) Mengkaji kepatuhan Kumpulan terutamanya penyata-penyata kewangan suku tahun dan akhir tahun dengan Keperluan-keperluan Penyenaraian BSKL, Lembaga Piawai Perakaunan Malaysia dan keperluan-keperluan undang-undang serta pengawalan yang berkaitan.

The following activities were carried out by the BAC during the financial year ended 31 March 2003 :-

- i) Reviewed the external auditors' scope of work and audit plans for the year. Prior to the audit, representatives from the external auditors, presented their audit strategy and plan.
- ii) Reviewed with the external auditors the results of the audit, the audit report and the Management Letter, including the Management's response.
- iii) Consideration and recommendation to the Board for approval of the audit fees payable to the external auditors as disclosed in Note 20 to the financial statements.
- iv) Reviewed the independence and objectivity of the external auditors and the services provided.
- v) Reviewed the internal audit reports, which highlighted the audit issues, recommendations and Management's response. Discussed with Management actions taken to improve the system of internal control based on improvement opportunities identified in the internal audit reports.
- vi) Reviewed the Annual Report and the audited financial statements of the Group prior to submission to the Board for their consideration and approval. The review was to ensure that the audited financial statements were drawn up in accordance with the provisions of the Companies Act 1965 and the applicable approved accounting standards.
- vii) Reviewed the Group's compliance in particular the quarterly and year end financial statements with KLSE Listing Requirements, Malaysian Accounting Standards Board and other relevant legal and regulatory requirements.

- viii) Mengkaji pengumuman keputusan kewangan bagi suku tahun yang tidak teraudit sebelum mencadangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Kajian dan perbincangan tersebut telah dijalankan bersama dengan Pengurus Besar, Bahagian Perkhidmatan Kewangan.
- ix) Mengkaji urusan-ususniaga yang telah dibuat dengan pihak berkaitan dengan Kumpulan.
- x) Mengkaji setakat mana kepatuhan oleh Kumpulan dengan peruntukan-peruntukan yang ditetapkan di bawah Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia ("Kod") bagi maksud menyediakan Penyata Tadbir Urus dan Penyata Kawalan Dalaman bersabit dengan Keperluan-keperluan Penyenaraian BSKL. Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah pelan-pelan tindakan bagi mengajukan perbezaan yang telah dikenalpasti di antara tadbir urus yang sedang diamalkan oleh Kumpulan dengan prinsip tadbir urus yang ditentukan dan amalan terbaik di bawah kod.

Audit Dalaman

Fungsi audit dalaman Kumpulan telah dijalankan oleh Kumpulan Audit Dalaman PETRONAS, iaitu syarikat induknya. Mereka telah mengekalkan keadilan, kemahiran dan perhatian profesional yang sewajarnya dengan cara mengadakan pelan-pelan dan laporan mereka sentiasa di bawah bidang kuasa BAC.

Audit dalaman telah dijalankan bagi memberi taksiran bebas keatas kemampuan, kecekapan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman Kumpulan dalam menjangka potensi pendedahan terhadap risiko ke atas proses urusan-ususniaga utama dalam Syarikat. BAC juga boleh berhubung terus dengan juruaudit dalaman dan menerima laporan mengenai semua audit yang telah dilaksanakan.

viii) Reviewed the quarterly unaudited financial results announcements before recommending them for the Board's approval. The review and discussion were conducted with the General Manager of Finance Services Division.

ix) Reviewed the related party transactions entered into by the Group.

x) Reviewed the extent of the Group's compliance with the provisions set out under the Malaysian Code on Corporate Governance ("Code") for the purpose of preparing the Corporate Governance Statement and Statement of Internal Control pursuant to KLSE Listing Requirements. Recommended to the Board action plans to address the identified gaps between the Group's existing corporate governance practices and the prescribed corporate governance principles and best practices under the Code.

Internal Audit

The internal audit function of the Group was carried out by the Group Internal Audit Division of PETRONAS, the holding company. They maintained their impartiality, proficiency and due professional care by having their plans and reports directly under the purview of the BAC.

The internal audits were undertaken to provide independent assessments on the adequacy, efficiency and effectiveness of the Group's internal control systems in anticipating potential risks exposures over key business processes within the Company. The BAC also has full access to internal auditors and received reports on all audits performed.

Sepanjang tahun yang berkenaan, juruaudit dalaman telah menjalankan audit menurut pelan audit dalaman yang telah diluluskan oleh BAC. Audit dalaman telah dibuat ke atas:

- i) Audit Jualan, Kutipan & Pengurusan LPG.
- ii) Pembangunan Rangkaian Perniagaan Runcit.
- iii) Kefungsian Pengurusan Perhubungan Pelanggan (CRM)/Audit Pengurusan Projek.
- iv) Kawalan Teknologi Maklumat Am (GITC).
- v) Integriti Data SAP R/3 PDB.

Laporan keputusan daripada audit yang telah dijalankan telah dikemukakan kepada Pihak Pengurusan untuk perhatian dan tindakan pembetulan yang perlu seperti yang dicadangkan. Pihak Pengurusan adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa tindakan pembetulan terhadap kelemahan yang dilaporkan dilaksanakan dalam tempoh masa yang dikehendaki.

During the year, the internal auditors had carried out audits according to the internal audit plan which had been approved by the BAC. Internal audits were done on:

- i) LPG Sales, Collection & Management Audit.
- ii) Retail Outlet Development.
- iii) Customer Relationship Management (CRM) Functionality/Project Management Audits.
- iv) General Information Technology Controls (GITC).
- v) PDB SAP R/3 Data Integrity.

The resulting reports from the audits undertaken were forwarded to the Management for attention and necessary corrective actions as recommended. The Management is responsible for ensuring that corrective actions on reported weaknesses are taken within the required time frame.

Lembaga Pengarah PETRONAS Dagangan Berhad ("PDB" atau "Syarikat") mengakui bahawa amalan urus tadbir korporat yang baik dalam mengendalikan urusan Kumpulan dengan integriti, telus dan profesionalisme adalah komponen-komponen utama kepada kemajuan dan kejayaan Kumpulan yang berterusan kerana ia bukan saja melindungi dan meningkatkan pelaburan dan nilai pemegang saham malah pada masa yang sama memastikan kepentingan pihak lain yang berkepentingan juga dilindungi.

Oleh itu, Lembaga Pengarah berusaha untuk mengamalkan intipati di sebalik preskripsi urus tadbir korporat dan bukan hanya pada tatacaranya. Lembaga Pengarah dengan ini bertanggungjawab sepenuhnya untuk menyelenggara piawai urus tadbir korporat yang tinggi dengan menyokong dan melaksanakan preskripsi prinsip dan amalan terbaik yang termaktub masing-masing di dalam Bahagian 1 dan 2 Prinsip Kod Urus Tadbir Korporat Malaysia (Kod). Dalam menyediakan laporan ini, Lembaga Pengarah telah mengambil kira cara mereka menggunakan Prinsip-Prinsip Kod dan setakat mana amalan tersebut telah mematuhi Amalan Terbaik Kod tersebut.

Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengarah
Lembaga Pengarah terdiri daripada ahli-ahli yang mempunyai latarbelakang perniagaan, kewangan, teknikal dan perkhidmatan awam yang luas. Pengarah-Pengarah juga dikenali kerana pengalaman dan kepakaran mereka di dalam industri-industri yang berkaitan dan juga tidak berkaitan. Kepakaran dan pengalaman yang luas ini telah memperkukuhkan kepemimpinan justeru membolehkan Kumpulan meletakkan kepercayaan yang penuh kepada Lembaga Pengarah yang cekap dan bertanggungjawab.

Kesemua pengarah mempunyai perwakilan dan tanggungjawab yang sama terhadap Kumpulan. Pengarah-Pengarah juga sama-sama bertanggungjawab di bawah peruntukan undang-undang dalam menangani secara teratur kesemua urusan-urusan Kumpulan. Perhatian terperinci diberikan bagi memastikan strategi yang dicadangkan oleh pihak Pengurusan dibincang dan dikaji secara kritikal oleh Lembaga Pengarah.

The Board of Directors ("Board") of PETRONAS Dagangan Berhad ("PDB" or the "Company") recognises that the exercise of good corporate governance in conducting the affairs of the Group with integrity, transparency and professionalism are key components for the Group's continued progress and success as these would not only safeguard and enhance shareholders investment and value but ensuring at the same time that the interests of other stakeholders are protected.

As such, the Board strives to adopt the substance behind corporate governance prescriptions and not merely the form. The Board is thus fully committed to the maintenance of high standards of corporate governance by supporting and implementing the prescriptions of the principles and best practices set out in Part 1 and 2 of the Malaysian Code of Corporate Governance ("Code") respectively. In preparing this report, the Board has considered the manner in which it has applied the Principles of the Code and the extent to which it has complied with the Best Practices of the Code.

The Board and Board Committees

The Board comprises members with a wide range of business, financial, technical and public service background. The directors are also noted for their experience and expertise in other related and unrelated industries. The wide spectrum of skills and experiences gives added strength to the leadership, thus enabling the Group to rest firmly in the charge of an accountable and competent Board of Directors.

All directors have equal representations and responsibilities to the Group. The directors are equally accountable under the law for the proper handling of the Group's affairs. Particular attention is given to ensure that the strategies proposed by the Management are fully discussed and critically examined by the Board.

Komposisi Lembaga Pengarah

Pada tarikh pernyataan ini dibuat, Lembaga Pengarah adalah terdiri daripada berikut :

Pengarah Eksekutif (juga Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif)	1/8 (12.5%)
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	3/8 (37.5%)
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif (termasuk Pengerusi)	4/8 (50.0%)

Profil setiap Pengarah dilampirkan dalam Laporan Tahunan ini di halaman 18 hingga 25.

Lembaga Pengarah berpendapat bahawa komposisi dan saiz ini menjadikannya sebuah Lembaga Pengarah yang berkesan kepada Syarikat.

Syarikat mengamalkan pembatasan tanggungjawab yang jelas di samping mengekalkan imbalan kuasa dan kewibawaannya. Jawatan Pengerusi dan Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif dijabat oleh dua orang yang berlainan. Pengerusi bertanggungjawab khusus terhadap ketertiban perilaku dan fungsi Lembaga Pengarah. Pengarah Urusan bertanggungjawab terhadap pengurusan harian perniagaan, pelaksanaan dasar Lembaga Pengarah dan membuat keputusan mengenai pengendalian Syarikat. Bidang tugas Pengarah Urusan yang juga Ketua Pegawai Eksekutif mencakupi penentuan batas tanggungjawab pihak Pengurusan. Pengarah Urusan/ Ketua Pegawai Eksekutif dibantu oleh Jawatankuasa Pengurusan dalam pengurusan perniagaan melalui pandangan dan mesyuarat yang diadakan sekurang-kurangnya sebulan sekali.

Pengarah-Pengarah Bukan Eksekutif mempunyai kaliber yang diperlukan bagi memastikan strategi yang dicadangkan oleh pihak Pengurusan dipertimbangkan dan dikaji dengan teliti sambil mengambil kira kepentingan jangka panjang pihak yang berkepentingan. Mereka menyumbangkan terhadap

Board Composition

As at the date of this statement, the Board comprises the following:

Executive Director (also the Managing Director)	1/8 (12.5%)
Independent non-executive directors	3/8 (37.5%)
Non-independent non-executive directors (including Chairman)	4/8 (50.0%)

The profile of each director is presented in this Annual Report on pages 18 to 25.

The Board is of the opinion that its current composition and size constitutes an effective Board to the Company.

The Group practices a clear demarcation of responsibilities while maintaining balance of power and authority. The positions of the Chairman and the Managing Director/Chief Executive Officer are individually held by two persons. The Chairman is primarily responsible for the orderly conduct and working of the Board. The Managing Director is responsible for the day to day running of the business, implementation of Board policies and making of operational decisions. The position description of the Managing Director who is also the Chief Executive Officer of the Company includes definition of the limits to management's responsibilities. The Managing Director is assisted in the management of the business by the Management Committee, which he consults and which meets once a month.

The non-executive directors have the necessary calibre to ensure that the strategies proposed by the Management are fully deliberated and examined, taking into account the long term interest of the stakeholders. They contribute to the formulation of policy and decision-making through their expertise

pembentukan dasar dan membuat keputusan melalui kepakaran dan pengalaman dan berkecuali daripada pihak Pengurusan, justeru menentukan tidak ada mana-mana individu atau kumpulan yang menguasai proses membuat keputusan oleh Lembaga Pengarah.

Kewujudan Pengarah-Pengarah Bebas Bukan Eksekutif adalah penting kerana mereka memberikan pandangan yang tidak memihak dan bebas, nasihat dan pertimbangan serta menjaga kepentingan lain-lain pihak seperti pemegang saham minoriti dan masyarakat. Konsep bebas yang diterima pakai oleh Lembaga Pengarah adalah mengikut definisi Pengarah Bebas dalam Perenggan 1.01 Keperluan Penyenaraian BSKL.

Adalah menjadi amalan Syarikat memberi kefahaman menyeluruh mengenai operasi Syarikat kepada setiap pengarah baru melalui taklimat tentang sejarah Syarikat dan sistem kawalan kewangan; serta lawatan tapak bagi memastikan mereka benar-benar memahami operasi Syarikat.

Tataurusan Pertubuhan Syarikat seterusnya menyatakan bahawa sekurang-kurangnya satu per tiga daripada kesemua Pengarah adalah tertakluk kepada persaraan mengikut giliran di setiap Mesyuarat Agung Tahunan, tetapi layak dipilih semula selaras dengan Keperluan Penyenaraian BSKL.

Memberikan Maklumat kepada Lembaga Pengarah Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan setiap suku tahun dan mesyuarat tambahan diadakan apabila perlu. Lembaga Pengarah bermesyuarat empat (4) kali pada tahun kewangan yang dikaji.

and experience and are independent of the Management, thereby helping to ensure that no one individual or group dominates the Board's decision-making process.

The presence of the independent non-executive directors is essential as it provides unbiased and independent views, advice and judgement as well as to safeguard the interests of other parties such as minority shareholders and the community. The concept of independence adopted by the Board is in accordance with the definition in Section 1.01 of KLSE Listing Requirements.

It is the practice of the Company that each new director is given a comprehensive understanding of the operations of the Group through briefings of the Group's history and financial control systems; and site visits to ensure first hand understanding of the operations.

The Articles of Association of the Company further provide that at least one third of all directors are subject to retirement by rotation at each Annual General Meeting ("AGM") but shall be eligible for re- election in line with the KLSE Listing Requirements.

Supply of Information to the Board

Board meetings are held on a quarterly basis with additional meetings held whenever necessary. The Board met 4 times during the financial year under review.

Rekod kehadiran ahli Lembaga Pengarah dalam mesyuarat adalah seperti berikut :

Rekod Kehadiran	
Nama Pengarah	Kehadiran
Tan Sri Dato' Mohd. Hassan bin Marican	3/4
Datuk Anuar bin Ahmad	4/4
Datuk Ishak Imam Abas	3/4
Dato' Shamsul Azhar bin Abbas (meletakkan jawatan pada 30.9.2002)	2/2
Chew Kong Seng	4/4
Dr. R. Thillainathan	4/4
Abdul Rahim bin Haji Hashim (meletakkan jawatan pada 1.10.2002)	1/2
Dato' Kamaruddin bin Mohd Jamal (dilantik berkuatkuasa pada 1.3.2002)	4/4
Ibrahim bin Marsidi (dilantik berkuatkuasa pada 1.10.2002)	2/2
Ainon Marziah bt Wahi (dilantik berkuatkuasa pada 1.10.2002)	1/2

Lembaga Pengarah menyedari sepenuhnya dan bertindak terhadap perkara-perkara khusus yang perlu diputuskan bagi memastikan hala tuju dan kawalan terhadap Syarikat berada dalam kawalannya. Perkara-perkara seperti ini, yang digariskan dalam Batas Kuasa Syarikat, dengan jelas menetapkan bidang kuasa pihak Pengurusan dan Lembaga Pengarah.

Sebelum setiap mesyuarat Lembaga Pengarah, setiap Pengarah diberikan agenda dan satu set kertas kerja Lembaga Pengarah yang meliputi butiran agenda yang akan dipertimbangkan. Pengarah Urusan akan memulakan penyampaian kertas Lembaga Pengarah dan memberikan penerangan menyeluruh mengenai isu-isu berkaitan. Maklumat yang diberikan menjangkau data prestasi kuantitatif dengan memasukkan prestasi kualitatif yang lain. Kesemua Pengarah mempunyai hak untuk meminta penjelasan dan informasi tambahan untuk membantu mereka mencapai keputusan. Untuk

The attendance record of the Board members is as follows:

Attendance Record	
Name of Directors	Attendance
Tan Sri Dato' Mohd. Hassan bin Marican	3/4
Datuk Anuar bin Ahmad	4/4
Datuk Ishak Imam Abas	3/4
Dato' Shamsul Azhar bin Abbas (resigned on 30.9.2002)	2/2
Chew Kong Seng	4/4
Dr. R. Thillainathan	4/4
Abdul Rahim bin Haji Hashim (resigned on 1.10.2002)	1/2
Dato' Kamaruddin bin Mohd Jamal (appointed with effect from 1.3.2002)	4/4
Ibrahim bin Marsidi (appointed with effect from 1.10.2002)	2/2
Ainon Marziah bt Wahi (appointed with effect from 1.10.2002)	1/2

The Board is fully aware and acts on its specifically reserved matters for decision to ensure that the direction and control of the Group is firmly in its hands. Such matters, outlined in the Company's Limits of Authority, clearly establish the authority of the Management and the Board.

Prior to each Board meeting, every director is given an agenda and a set of Board papers for each agenda item to be deliberated. The Managing Director will lead the presentation of Board papers and provide comprehensive explanation of pertinent issues. Information provided to the Board goes beyond quantitative performance data to include other qualitative performances. All directors are entitled to call for additional clarification and information to assist them in matters that require their decision. In arriving at any decision on recommendation by the

mencapai sebarang keputusan terhadap cadangan yang dibuat oleh pihak Pengurusan, adalah menjadi prasyarat bagi Lembaga Pengarah memastikan pertimbangan dan perbincangan yang teliti diadakan. Semua prosiding mesyuarat Lembaga Pengarah diminitkan dan ditandatangani oleh Pengerusi mesyuarat mengikut peruntukan Seksyen 156 Akta Syarikat, 1965. Selain daripada Penyataan Kewangan Suku Tahunan dan Akhir Tahun, satu laporan prestasi dan kemajuan Syarikat dibentangkan kepada Lembaga Pengarah pada setiap suku tahun untuk memaklumkan kepada Lembaga Pengarah keadaan urusan semasa Syarikat.

Bagi setiap tahun kewangan, Lembaga Pengarah akan mengkaji Rancangan dan Belanjawan Syarikat, termasuk ramalan aliran tunai untuk tahun yang akan datang dan menggariskan unjuran bagi empat (4) tahun berikutnya. Rancangan dan belanjawan ini disediakan oleh setiap bidang perniagaan dan unit sokongan masing-masing dan dikaji semula oleh Jawatankuasa Pengurusan Syarikat sebelum mendapat kelulusan Lembaga Pengarah. Walaupun pihak Pengurusan mengkaji keputusan belanjawan setiap bulan, laporan keputusan dan perbezaan berbanding dengan belanjawan dibentangkan untuk kajian semula oleh Lembaga Pengarah pada setiap suku tahun. Sekiranya terdapat perbezaan yang besar, pihak Pengurusan akan diminta untuk mengambil tindakan yang sewajarnya.

Lanjutan daripada tugas mereka sebagai Pengarah, sekiranya nasihat profesional yang bebas diperlukan, khidmat pakar luar yang bebas boleh dan pernah diambil atas perbelanjaan Syarikat.

Lembaga Pengarah memahami bahawa khidmat Setiausaha Syarikat adalah penting untuk memastikan adanya sokongan yang kukuh serta positif supaya Lembaga Pengarah dapat berfungsi secara berkesan dan tugas Setiausaha Syarikat ini menjangkau lebih daripada melakukan tugas rutin memfailkan dokumen dan lain-lain keperluan pentadbiran di bawah Akta Syarikat, 1965. Oleh yang demikian, semua perlantikan dan perletakan jawatan Setiausaha Syarikat mestilah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Semua Pengarah mempunyai saluran untuk mendapat khidmat dan nasihat daripada Setiausaha Syarikat.

Lembaga Pengarah juga telah menugaskan tanggungjawab tertentu kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah, yang berfungsi dalam lingkungan bidang tugas yang ditentukan secara jelas. Pengerusi Jawatankuasa ini melaporkan hasil mesyuarat

Management, thorough deliberation and discussion by the Board is a prerequisite. All proceedings of Board meetings are minuted and signed by the Chairman of the meeting in accordance with the provision of Section 156 of the Companies Act, 1965. Apart from quarterly and year end financial statements, a report of the Group's performance and progress is presented to the Board every quarter for the directors to be kept informed of the Group's state of affairs.

For each financial year, the Board shall review the Group's Plans and Budget including cash flow forecast for the forthcoming year and outlined projections for the four (4) subsequent years. These plans and budgets are prepared by respective business lines and support service units and reviewed by PDB's Management Committee before seeking the Board's approval. Whilst the Management reviews the budget results regularly every month, reports of the results and variances against the budget are presented for the Board's review every quarter. In the event of major variances, the Management is required to take appropriate action.

In furtherance of their duties as directors, whenever independent professional advice is required, external independent experts may and have been engaged at the Group's expense.

The Board understands that service of Company Secretaries are pivotal in ensuring strong and positive support for the overall effective functioning of the Board and goes well beyond routine filing and other administrative requirements of the Company Act, 1965. As such, all appointments and resignations of the Company Secretaries must be approved by the Board. All directors have access to the advice and services of the Company Secretaries.

The Board has also delegated certain responsibilities to the Board Audit Committee, which operates within clearly defined terms of reference. The Chairman of this Committee reports the outcome of Committee meetings to the Board and such reports are incorporated as part of the minutes of the Board meetings.

The Board may, whenever required, as provided by the Articles of Association, set up Board committees delegated with specific powers and responsibilities.

Jawatankuasa kepada Lembaga Pengarah dan laporan-laporan itu digabungkan sebagai sebahagian daripada minit mesyuarat Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah boleh, apabila perlu, seperti yang diperuntukkan oleh Tataurus Pertubuhan Syarikat, menubuhkan jawatankuasa Lembaga Pengarah yang diberikan kuasa dan tanggungjawab khusus.

Penamaan dan Ganjaran Pengarah-Pengarah Atas cadangan Kod, Lembaga Pengarah telah memutuskan bahawa Lembaga Pengarah pada keseluruhannya akan bertindak sebagai Jawatankuasa Penamaan dan Ganjaran. Jawatankuasa yang lebih kecil tidak digalakkan kerana Syarikat percaya bahawa semua ahli mesti sama-sama bertanggungjawab terhadap tugas jawatankuasa yang dinyatakan seperti berikut :

- Menilai dan mencadangkan Pengarah baru kepada Lembaga Pengarah,
- Mengkaji semula secara tahunan gabungan kemahiran dan pengalaman serta lain-lain sifat yang membolehkan Lembaga Pengarah berfungsi sepenuhnya dan secara berkesan,
- Melaksanakan proses penilaian bagi menilai keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhannya, sumbangan setiap jawatankuasa dan Pengarah secara individu,
- Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah ganjaran bagi semua Pengarah Bukan Eksekutif. Setiap Pengarah tidak terlibat dalam perbincangan tentang ganjaran mereka sendiri.

Lembaga Pengarah akan mempertimbangkan perkara di atas semasa prosiding biasa mesyuarat Lembaga Pengarah.

Kecuali Pengarah Urusan, semua Pengarah Bukan Eksekutif dibayar ganjaran pengarah seperti yang diluluskan oleh pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan, berdasarkan cadangan Lembaga Pengarah. Bagi tahun yang dikaji, pecahan ganjaran yang diterima oleh setiap Pengarah adalah seperti Jadual di sebelah.

Perincian Ganjaran Para Pengarah			
Nama Pengarah	Ganjaran Pengarah (RM)	Ganjaran BAC (RM)	Jumlah (RM)
Tan Sri Dato' Mohd Hassan bin Marican	60,000	0	60,000
Ibrahim bin Marsidi (<i>dilantik berkuatkuasa pada 1.10.2002</i>)	0	0	0
Datuk Ishak bin Imam Abas	36,000	8,400	44,400
Chew Kong Seng	36,000	12,000	48,000
Dr. R Thillainathan	36,000	8,400	44,400
Dato' Kamaruddin bin Mohd Jamal	36,000	0	36,000
Datuk Anuar bin Ahmad (<i>ditamatkan sebagai Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif dan dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif berkuatkuasa pada 1.10.2003</i>)	18,000	0	18,000
Ainon Marziah bt Wahi (<i>dilantik berkuatkuasa pada 1.10.2002</i>)	18,000	0	18,000
Dato' Shamsul Azhar bin Abbas (<i>meletakkan jawatan pada 30.9.2002</i>)	18,000	0	18,000
Abdul Rahim bin Haji Hashim (<i>meletakkan jawatan pada 1.10.2002</i>)	18,000	0	18,000
JUMLAH	276,000	28,800	304,800

